

21/10/2003

Halim Mazmin mahu beli kapal angkut ternakan

Abdul Razak Raaff

HALIM Mazmin Bhd (Halim Mazmin), akan membeli kapal kargo yang diubah suai untuk mengangkut haiwan ternakan yang diimport usahawan tempatan dari negara Amerika Latin mulai tahun depan.

Pengerusi Eksekutif Halim Mazmin, Tan Sri Halim Mohamad, berkata syarikat bercadang membeli kapal terpakai dan mengubah suainya supaya mampu mengangkut kira-kira 3,000 haiwan ternakan pada satu-satu masa.

Beliau berkata, ini berikutan kos perkhidmatan penghantaran haiwan ternakan seperti lembu pembaka dan kuda menggunakan jalan laut adalah lebih menjimatkan.

Beliau yakin, ramai usahawan tempatan mahu membawa masuk haiwan ternakan terutama dari Argentina memandangkan negara itu antara pengeluar lembu terbaik dunia.

"Kita mempunyai keupayaan membeli kapal berharga antara AS\$10 juta hingga AS\$15 juta (RM38 juta hingga RM57 juta) dan menjangka kerja mengubah suai dan melengkapkan kemudahan membawa haiwan ternakan mengambil masa kira-kira enam bulan.

"Ia juga bertujuan mengelak pengimport tempatan bergantung kepada syarikat kapal asing untuk membawa masuk haiwan ternakan yang diimport.

"Menerusi kepakaran yang kita miliki dan usaha kerajaan menggalakkan perdagangan antara negara selatan-selatan dapat dicapai dalam masa terdekat ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Pasir Gudang di sini, semalam.

Sebagai permulaan, syarikat itu menyewa Kapal kargo, MV Friesian Express yang membawa 1,420 lembu pembaka dan 33 kuda termasuk milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Argentina dan tiba di Pelabuhan Johor kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Perkhidmatan penghantaran haiwan ternakan itu adalah julung kali dilakukan syarikat perkapalan milik penuh Bumiputera itu. Kapal kargo berkenaan belayar selama 25 hari tanpa henti.

Halim berkata, syarikatnya mengambil inisiatif mengadakan perkhidmatan penghantaran kuda dan lembu dari Argentina berikutan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang menggalakkan usahawan tempatan mewujudkan perdagangan dua hala selepas melawat negara berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, syarikatnya sedia membantu usahawan tempatan membawa masuk lembu dari Argentina.

"Kita mempelawa pengimport menggunakan perkhidmatan perkapalan yang kita miliki seterusnya menyahut seruan kerajaan yang mahu menjadikan negara ini sebagai negara perdagangan," katanya.